

Siswa tabur bakti di Vietnam

» Misi bantuan pertama Kementerian Pengajian Tinggi capai kejayaan

Oleh Norliza Abdullah
upen@bharian.com.my

► Ho Chin Minh

Kumpulan pertama Misi Sukarelawan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Pengajian Tinggi berjaya menamatkan misi bantuan pertama mereka di Ho Chin Minh, Vietnam, baru-baru ini.

Misi bantuan itu memberi penekanan kepada proses mendidik generasi muda di sana terhad kepada kepentingan pendidikan.

Enam pelajar masing-masing disertai oleh Iqbal Asmat Nordin (Universiti Putra Malaysia), Abdul Na'em Suhaime (Universiti Malaysia Pahang), Wong Kin Lun (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Mohd Syafiq Mohd Khairuddin (Universiti Malaysia Terengganu).

Misi bantuan

Adibah Farliyana Aminordin (Universiti Malaya) dan Esther Yong Hie Ping (Universiti Sains Malaysia) antara yang turut serta menjayakan misi berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif YSS, Syed Agil Syed Sheikh Alsagof, berkata pengisian lebih kepada bimbingan dan didikan supaya mereka menjadikan pendidikan sebagai elemen penting mencapai kejayaan.

Beliau berkata, anggota sukarelawan juga menekankan betapa pentingnya semangat dan keyakinan yang tinggi untuk mereka terus gigih berusaha.

Pendedahan sedemikian katanya, memberi pengalaman kepada peserta menganjurkan program kemasyarakatan yang dipenuhi dengan pelbagai pengisian berfaedah



Siswa bersama-sama murid selepas pengajaran bahasa Inggeris di sekolah rendah.



“**Kanak-kanak di TADIKA di sana diberi pendedahan dan diajar mengenai teknik membasuh tangan dengan betul'**

Zuraidah Atan,
Pengerusi YSS

berdasarkan keperluan golongan sasaran.

“Program selama 15 hari itu, dapat menggalak, mendidik dan membimbing pelajar mempromosikan agenda keamanan dunia dan memupuk semangat setia kawan dalam kalangan peserta,” katanya.

Beri peluang

Sementara itu Pengerusi YSS, Datuk Zuraidah Atan, berkata misi diharap dapat mewujudkan tokoh sukarelawan dalam kalangan mahasiswa dengan memberi peluang mereka menabur bakti di kawasan yang begitu memerlukan.

YSS kata beliau, dilaksanakan di luar negara kerana bertepatan dengan objektif melahirkan graduan lebih berdaya saing.

Penyertaan pelajar di kawasan luar dari Malaysia juga katanya, bertujuan meningkatkan jaringan kerjasama antara warga institusi pengajian tinggi

awam dan pegawai daripada pelbagai agensi di tempat yang bakal dikunjungi.

Selain Vietnam, katanya antara lokasi seterusnya ialah ke Laos, Kemboja, Filipina dan Timor Leste.

Di Vietnam, Zuraidah berkata, pelajar memberi tumpuan kepada proses pembangunan komuniti di Vinh Loc B, di Ho Chi Minh. Peserta berkunjung ke pusat bimbingan kanak-kanak.

“Kanak-kanak di TADIKA di sana diberi pendedahan dan diajar mengenai teknik membasuh tangan dengan betul. Selain itu, sukarelawan juga mengadakan demonstrasi menggosok gigi kepada murid di beberapa buah sekolah terpilih.

“Pemeriksaan asas kesihatan juga dijalankan bagi penduduk setempat dalam mewujudkan kesedaran pentingnya penjagaan kebersihan sebagai jaminan kesihatan yang sempurna,” katanya.